

'Fitnah terhadap agama perlu dianggap melanggar hak asasi'

Anwar mahu isu momokan fasisme, Islamofobia dibincang peringkat global

Daripada Ahmad Fairuz Othman
bhnews@bh.com.my
di Jakarta



Datuk Seri Anwar Ibrahim membangkitkan keperluan masyarakat antarabangsa bersuara mengenai peningkatan momokan Islamofobia dan sebarang bentuk kecaman terhadap mana-mana agama.

Berucap pada Sidang Kemuncak ASEAN-Asia Timur (EAS) ke-18 di sini semalam, Perdana Menteri berkata, fitnah terhadap agama wajar dilihat sebagai pelanggaran hak asasi manusia dan isu itu perlu dibincang secara serius pada peringkat global.

"Saya ingin menarik perhatian terhadap momokan fasisme dan Islamofobia yang kian menjad-jadi. Kami mempertahankan pendirian bahawa fitnah ke atas sebarang agama adalah pelanggaran hak asasi manusia dan penghinaan ke atas hak beraga-

ma dan kepercayaan.

"Forum ini yang dihadiri ramai pemimpin terkemuka, mesti cuba menyelesaikan masalah dan isu berbangkit ini," katanya.

Selain 11 pemimpin negara ASEAN, EAS turut membabitkan wakil rakan dialog seperti Australia, China, Jepun, India, New Zealand, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Konflik luar rantau ASEAN

Anwar turut menyentuh konflik di luar rantau ASEAN, yang turut terkandung dalam kenyataan Pengerusi ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN dan Sidang Kemuncak berkaitan.

Tegas Perdana Menteri, masyarakat antarabangsa tidak boleh memandang sepi konflik Palestin-Israel yang menghalang penduduk di wilayah berkenaan meneruskan kehidupan dan mengamalkan agama serta kepercayaan masing-masing.

"Komuniti antarabangsa tidak boleh menafikan serangan bertubi-tubi Israel terhadap hak asas, kehidupan dan maruah rakyat Palestin serta penduduk pelbagai agama di tanah air mereka sendiri," katanya.

Konflik Palestin-Israel yang sudah berlanjutan selama 75 tahun, katanya, mungkin bukan sesuatu yang ingin dibangkitkan sesetengah pemimpin ASEAN tetapi ia wajar disuarakan di platform sebesar EAS.

"Saya ingin menyatakan keprihatinan sebahagian besar dari-



Anwar pada Sidang Kemuncak ASEAN-Asia Timur (EAS) ke-18 di Jakarta, semalam.

(Foto BERNAMA)

pada kita, mengenai ketidakadilan tindakan terhadap konflik di-Ukraine dan penjajahan wilayah Palestin sejak 75 tahun lalu," katanya.

Anwar berkata, Malaysia menentang kekerasan yang berlaku terhadap situasi di Ukraine dan meminta rundingan diadakan untuk mencari penyelesaian.

Mengenai Laut China Selatan, Perdana Menteri berkata, Malaysia komited menyelesaikan pertikaian berbangkit di wilayah itu

sejajar prinsip diiktiraf undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCLOS) 1982.

Beliau berkata, China selalu rakan dialog ASEAN, memberi jaminan wilayah Asia Tenggara akan kekal aman dan stabil.

"Komitmen itu disuarakan oleh Perdana Menteri China, Li Qiang dan kami harap pihak ber-

kepentingan lain dapat memberi jaminan sama ke arah memastikan keamanan dan kestabilan di rantau ini," katanya.

Anwar turut menyatakan kebimbangan Malaysia terhadap program nuklear Korea Utara.

"Pelancaran peluru berpandu balistik dan program nuklear jelas mencabuli resolusi Majlis Keselamatan PBB dan ini bukan sesuatu yang wajar kita abaikan," katanya.